

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 27 APRIL 2016 (RABU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                               | <b>Akhbar</b>     |
|------------|----------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1          | Hanya Kuala Krai catat suhu melebihi 37 darjah celsius                     | Bernama.com       |
| 2          | Air di dua empangan kritikal meningkat                                     | Harian Metro      |
| 3          | Bumi mula basah                                                            | Harian Metro      |
| 4          | NKEA sektor agromakanan catat RM9.224 bilion dalam pendapatan negara kasar | Bernama.com       |
| 5          | Curbing dengue menace                                                      | New Straits Times |
| 6          | Grassroots innovation challenge                                            | The Star          |
| 7          | Umat islam perlu menguasai sains                                           | Utusan Malaysia   |



## Hanya Kuala Krai Catat Suhu Melebihi 37 Darjah Celsius

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Hanya Kuala Krai di Kelantan masih mencatatkan bacaan suhu melebihi 37 darjah celsius hari ini berikutan cuaca panas akibat fenomena El Nino.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau** berkata sehingga jam 4 petang tadi, Stesen Meteorologi di Kuala Krai merekodkan bacaan suhu 37.6 darjah celsius.

Beliau berkata enam kawasan yang masih mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 hari berturut-turut ialah Kota Bharu dan Machang, Kelantan yang masing-masing 23 hari, dan Kudat, Sabah selama 15 hari.

"Manakala, Pasir Mas, Kelantan; Besut, Terengganu; dan Mersing, Johor mencatatkan selama 10 hari tanpa hujan," katanya.

Selain itu, Madius berkata bilangan titik panas yang dicerap di Sabah menurun kepada satu semalam berbanding tiga pada 24 April di bahagian pantai barat Sabah.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 37**  
**TARIKH: 27 APRIL 2016 (RABU)**

## **Air di dua empangan kritikal meningkat**

**Kuala Lumpur:** Dua empangan yang sebelum ini dikategorikan berada pada paras kritikal iaitu di bawah 40 peratus didapati mengalami peningkatan sehingga empat peratus.

Dua empangan itu adalah Padang Saga, Kedah dan Bukit Merah, Perak dengan kenaikan stok air masing-masing sebanyak 1.11 dan 4.42 peratus.

Sebelum ini, empangan Padang Saga memiliki takungan sebanyak 38.52 peratus dan meningkat kepada 39.63 peratus semalam, manakala empangan Bukit Merah meningkat kepada 14.63 peratus daripada 9.73 peratus kelmarin.

Namun, empangan yang dihentikan operasinya sejak 16 April lalu iaitu empangan Bukit Kwong, Kelantan tidak mengalami pertambahan atau penurunan dan masih berada pada tahap kritikal dengan baki simpanan air berjumlah 7.81 peratus.

Sementara itu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius

Tangau dalam kenyataan media berkata, Operasi Pembentukan Awan (OPA) yang berpangkalan di Lapangan Terbang Subang kelmarin dengan mensasarkan utara Semenanjung berjaya menghasilkan hujan.

Beliau berkata, OPA berjaya menghasilkan hujan di kawasan empangan Timah Tasoh, Perlis; empangan Ahning, Muda dan Pedu di Kedah serta empangan Air Kuning dan kawasan Bukit Larut di Perak.

Sementara itu, laman Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) sehingga kelmarin merekodkan tiga kawasan di Kelantan iaitu Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas mencatat jumlah hari tanpa hujan paling lama.

Kota Bharu dan Machang tidak menerima hujan selama 23 hari, manakala Pasir Mas pula selama 10 hari.

Selain Kelantan, tiga lagi negeri tidak menerima hujan iaitu di Besut, Terengganu dan Mersing, Johor masing-masing selama 10 hari serta lima hari di Kudat, Sabah.

## Bumi mula basah

Fazurawati Che Lah  
fazurawati@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**F**asa peralihan monsun sedang dialami negara kini menyebabkan beberapa kawasan di pantai barat Semenanjung, barat Sabah dan barat serta tengah Sarawak mula menerima hujan sejak beberapa hari lalu serta menurunkan suhu sehingga 2.0 darjah Celsius.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata, penceraian menunjukkan taburan hujan harian berjumlah antara 0.2 sehingga 47 juta meter padu dengan jumlah taburan terbanyak direkodkan di Sri Aman, Sarawak.

"Sejak kelmarin taburan hujan harian mula bertambah dan didapati antara kawasan yang menerima hujan adalah Johor (Batu Pahat, Kluang dan Senai), Bayan Lepas, Pulau Pinang, Cameron Highlands, Ipoh, Perak, Sarawak (Kapit, Kuching, Sibu dan Sri Aman), Sabah (Keningau, Sibu dan Tawau), Melaka, Petaling Jaya dan Subang di Selangor.

"Kebanyakan kawasan mengalami hujan dan ribut petir pada sebelah petang dan senja menjadikan cuaca lembap serta keadaan ini dijangka mengurangkan kesan suhu panas yang berlaku secara beransur-ansur," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama, fenomena El Nino mulai lemah kesan penurunan suhu di kawasan tropika timur Lautan Pasifik dan dijangka neutral atau tamat Jun ini.

"El Nino yang menurun secara perlahan memberi kesan terhadap keadaan suhu dan dijangka suhu akan kembali normal.

"Buat masa ini, banyak kawasan dalam negara merekodkan suhu maksimum di bawah 35 darjah Celsius manakala penurunan suhu direkodkan sekitar 0.5 sehingga 2.0 darjah Celsius," katanya.

Namun katanya, terdapat beberapa kawasan di Semenanjung masih merekodkan bacaan suhu melebihi 37 darjah Celsius seperti di Kuala Krai, Kelantan dan Temerloh serta Batu Embun, Pahang.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Ia boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan sementara di kawasan lain, berlaku kemarau berpanjangan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengeluarkan kenyataan pada Disember 2015 menyatakan fenomena El Nino yang sedang melanda seluruh dunia yang bermula sederhana dan setempat di Pasifik pada akhir 2015 kini meningkat meliputi sebahagian besar Asia dan Pasifik.

Fenomena itu juga mendatangkan kesan besar seperti di tengah dan selatan India, tengah dan timur laut Thailand, tengah dan selatan Filipina, utara Kemboja, timur Indonesia, Papua New Guinea dan kebanyakan negara kepulauan Pasifik.

### FAKTA

Fenomena El Nino kini meningkat meliputi sebahagian besar Asia dan Pasifik



## **NKEA Sektor Agromakanan Catat RM9.224 Bilion Dalam Pendapatan Negara Kasar**

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) untuk sektor agromakanan pada 2015 mencatatkan pendapatan negara kasar (PNK) komited berjumlah RM9.224 bilion, dengan membuka 28,645 peluang pekerjaan dan menjanjikan pelaburan komited bernilai RM7.7 bilion.

Laporan Tahunan Program Transformasi Negara (NTP) 2015 menyatakan Malaysia kini menerokai kaedah teknologi Internet of Things (IoT) dalam industri bagi merencanakan produktiviti dan memastikan sektor itu beranjak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi.

Laporan itu, yang dikeluarkan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) di Jabatan Perdana Menteri, dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Angkasapuri di sini, malam ini.

Menurut laporan itu kerajaan telah mengenal pasti IoT sebagai satu daripada bidang teknologi terpenting bagi mempertingkatkan produktiviti dalam sektor-sektor utama di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) dan pertanian merupakan satu daripada empat sektor utama yang terpilih untuk merintis penggunaan alat penderiaan atau sensor.

**MIMOS** telah menghasilkan sebuah rangka kerja pertanian yang menghubungkan pengeluar, peniaga dan pembekal pertanian dalam sebuah jalinan bersepadu menggunakan sistem aplikasi IoT.

MIMOS juga yakin bahawa IoT yang diaplikasikan secara menyeluruh dalam sistem pertanian kelak mampu menjana pengeluaran mencecah US\$319 juta (US\$1=RM3.92) menjelang 2020, kata laporan itu.

Laporan tahunan itu turut menyentuh mengenai inisiatif yang dibuat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memanfaatkan kelebihan keberdayasaingan Malaysia dalam pengeluaran produk herba bernilai tinggi.

Projek-projek permulaan (EPP) bagi produk herba bernilai tinggi berada tepat pada landasan untuk merealisasikan sasarannya menjelang akhir 2020, iaitu mengeluarkan 10 produk nutraseutikal dan cosmeceutical yang terhasil daripada 18

herba terpilih.

Sehingga Disember 2015, terdapat 27 produk herba berada di peringkat pembangunan produk, 10 dalam ujian klinikal, 17 dalam ujian praklinikal dan sepanjang tahun lepas, projek kluster herba berjaya mengutip hasil jualan terkumpul berjumlah RM3.85 juta.

Menurut laporan tahunan itu, sepanjang tahun lepas, jumlah penghasilan buah-buahan dan sayur-sayuran premium di bawah EPP7 mencecah 54,489 tan metrik dengan nilai RM70.8 juta.

Sementara itu, bagi memastikan matlamat keselamatan makanan negara konsisten dengan peningkatan PNK, kementerian komited menangani defisit imbalan dagangan berjumlah RM17 bilion di samping berusaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import.

Tahun lepas, jumlah penghasilan padi di Muda, Kedah mencatat 230,793 tan metrik di bawah EPP10 dan 103,604 tan metrik di kawasan jelapang di bawah EPP11.

Sebagai persediaan di masa hadapan, kementerian bercadang mewujudkan dasar dan strategi yang berteraskan ciri menumpu kepada eksport bagi mengurangkan defisit imbalan dagangan negara.

Dasar itu akan meletakkan sektor pertanian pada kedudukan yang lebih strategik untuk menyumbang kepada diversifikasi ekonomi Malaysia dan memastikan kestabilan Ringgit.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 8**  
**TARIKH : 27 APRIL 2016 (RABU)**

## CURBING DENGUE MENACE

**T**HE social-impact dengue control programme Komuniti Bebas Denggi (KBD) has been implemented by the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) since June last year.

It was conducted in three states involving 30 communities, covering 20,000 households and 100,000 individuals. The programme is based on empowering communities with effective tools, as well as knowledge and information, to help them protect their families and neighbours from dengue.

During the first six months, the number of dengue cases had been reduced within the participating communities. This is testament to its efficacy, including the tools developed by Mosti's technology partner, EntoGenex Industries Sdn Bhd.

One of the tools used by homeowners is the Bio-D Anti-Aedes Home Kit, which prevents mosquitoes from breeding in their premises. The kit is available at retail stores nationwide.

EntoGenex technology officer Mohd Alhafis Rusdi said the kit came with the Denguard Plus mosquito repellent, the Mousticide RH biolarvicide and the Aedes Larvae Ovitrap (ALOT).

Alhafis said the repellent, which provides protection up to five hours, was safe for children as its active ingredient is derived from the wild tomato plant.

"It is recommended for use at dusk and dawn, and should be applied at all times when one may be exposed to mosquito bites, especially when performing outdoor activities, such as gar-



dening, exercising, hiking and golfing."

The Mousticide RH biolarvicide is made of rice husks that are coated with Trypsin Modulating Oostatic factor (TMOF), a hormone derived from female *Aedes aegypti* mosquitoes, and *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), a biological control agent for larvae.

He said the biolarvicide would inhibit the digestive system of mosquito larvae and cause them to die.

"This is an effective product that is environment-friendly. The biolarvicide, which does not contain chemicals, will affect mosquito larvae that have the TMOF receptors. Therefore, it is not toxic to humans or pets."

He said each kit came with 10 sachets of Mousticide RH.

"One sachet can be used in up to 20 litres water, and is effective for one month. It can be scattered onto the ground where mosquitoes breed, such

as gullies, ditches, vases and places with stagnant water."

He said the Mousticide RH had been approved for use by the Agriculture Department's pesticide board.

To ensure effectiveness, Alhafis said the biolarvicide could be placed into the ALOT larvae trap.

The trap mimics the breeding environment for *Aedes aegypti*.

"Its cover and a cone inside the container are black, which is attractive to mosquitoes."

Alhafis said ALOT should be filled with water till about three quarters full. "After that, the Mousticide RH must be added into the water, which will further attract mosquitoes. The larvae will die as they grow in the water."

"Even if the larvae survive to adult stage, they will be trapped inside the container and die."

Alhafis said the water inside the ALOT container should be replaced every three weeks to a month.

The Mousticide RH was developed by EntoGenex Industries, and was tested in collaboration with Universiti Kebangsaan Malaysia under Associate Professor Dr Hidayatul Fathi Othman.

The development of the kit was funded by Mosti. Alhafis said a field test was conducted between August last year and January.

"The kit was used at 30 dengue hotspots in Selangor, Johor and Kuala Lumpur. The kit, in combination with active public participation, has resulted in about 50 per cent reduction of dengue cases in the hotspots."



EntoGenex Industries technology officer **Mohd Alhafis Rusdi** (left) and manager **Daniel Yahya** showing the **Bio-D Anti-Aedes Home Kit**, which is available at retail stores nationwide.

"We hope to collaborate with the local authorities in future to prevent dengue outbreaks."

KBD is a flagship project of Mosti, which is managed by Inno-Biologics Sdn Bhd and EntoGenex Industries Sdn

Bhd. The kit is priced at RM45.90 and is sold at Giant hypermarkets in Peninsular Malaysia from April 25.

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 14  
TARIKH: 27 APRIL 2016 (RABU)





## GRASSROOTS INNOVATION CHALLENGE

### Yayasan Inovasi Malaysia is searching for Grassroots Innovations

If you have an innovation that has significant value & impact to the local community, you stand a chance to win RM30,000!

Submission deadline: 15<sup>th</sup> May 2016  
(First 50 submissions stand a chance to win 3 units of XIAOMI Redmi Note 3 phone in a lucky draw)





#### Terms & Conditions

- Participation is open to all Malaysians aged 18 years and above; individual or in group (maximum 4 people).
- The innovation must fulfill the stipulated definition of "Grassroots Innovation" which are as follows:  
*Innovative products or processes created at the bottom of pyramid, usually due to necessity, hardship and challenges. Or community-led solutions for sustainability and can offer promising new ideas and practices, but often struggle to scale up and spread beyond small niches.*
- Innovation that has significant value and impact on the local community and does not pose a threat to the environment. Those that represent the interest and contributing well-being of the rural community will be given priority.
- The innovation submitted for this programme must be original idea or enhancement to existing innovation.
- The innovation submitted must be at the prototype stage (nearing completion) or fully developed, completed with necessary information to facilitate the evaluation process.
- All entries must reach the organiser not later than 15<sup>th</sup> May 2016 to qualify for the first season of the programme, in year 2016. Entries received after the deadline will be brought forward for assessment in 2017.
- All selected grassroots innovators must agree to participate, complete the entire program and meet all the terms and conditions set by the organiser.

Submit your Grassroots Innovation here!

[www.yim.my/magris](http://www.yim.my/magris)

For further enquiries, please contact:  
Noor Dina  
Tel : 03-83191714  
Email : magris@yim.my

Mainstreaming Grassroots Innovations (MaGRIs) is a project to upscale and accelerate the development and diffusion of potential grassroots innovation in Malaysia via collaboration with various parties from government, industry, grassroots community and youth including providing appropriate capacity building opportunities to stakeholders.

# UMAT ISLAM PERLU MENGUASAI SAINS

**UTUSAN: Kenapa tajuk ini dipilih?**

**MUSA:** Tajuk ini dipilih untuk membolehkan ahli panel menjawab persepsi segelintir umat Islam yang dilihat mengasingkan sains dan agama seperti falsafah atau doktrin sekular. Secara asasnya, tajuk ini mampu menjelaskan sedikit sebanyak tentang sains dan Islam.

**Betulkah umat Islam sekarang menolak sains?**

Tidak, sejarah membuktikan bahawa suatu masa dahulu iaitu Zaman Keemasan Muslim sekitar 8 hingga 16 Masehi, umat Islam sangat dihormati kerana ilmu pengetahuan yang mereka miliki. Tokoh-tokoh ilmuwan seperti Ibn Sina, Ibn Rush, Al Khawarizmi dan Al Biruni adalah antara nama-nama yang tidak asing lagi sama ada di dunia Timur ataupun Barat. Penghormatan dan pengiktirafan yang diterima ini adalah melalui pencapaian mereka di dalam bidang sains dan teknologi serta pegangan yang kukuh terhadap al-Quran dan hadis.

Dengan erti kata lain, tokoh-tokoh ini menguasai ilmu sains sekali gus menghayati dan beramal dengan ajaran Allah SWT dan Rasulullah SAW. Sungguhpun umat Islam telah menunjukkan kehebatan yang tiada tandingnya pada masa lampau, tetapi kini suasana yang wujud adalah jauh berbeza.

Umat Islam sekarang tidak lagi menguasai bidang sains dan teknologi, sebaliknya ilmu tersebut telah berpindah dan dikuasai oleh masyarakat Barat dan Timur Jauh. Apa yang lebih malang lagi ialah apabila umat Islam sudah hilang identiti Islamnya dan tidak lagi dihormati serta jauh terkebelakang dalam aspek ilmu dan pengetahuan.

Hakikatnya, sains dan Islam perlu bergerak selari bagi menjadikan seseorang itu dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hatta, Albert Einstein, tokoh saintis Barat yang terkenal dengan teori *Black Hole* menyatakan *Science without religion is lame while religion without science is blind*.



## MUKADIMAH

PROGRAM Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara (MPN) bersama *Utusan Malaysia* dan *Radio Televisyen Malaysia* (RTM) diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), hari ini.

Program bertajuk 'Umat Islam menolak sains?' bertujuan membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan umat Islam sekarang tidak lagi menguasai bidang sains dan teknologi seperti pada zaman lampau.

Dalam wawancara wartawan *Utusan Malaysia*, **NIZAM YATIM** dengan Naib Canselor USIM, **PROF. DATUK DR. MUSA AHMAD** (gambar), beliau menjelaskan pengetahuan sains dapat membantu umat Islam mendekatkan diri dengan Allah SWT.

## Program Advokasi Ilmuwan



## Umat Islam Menolak Sains?



Ini menunjukkan bahawa agama itu adalah roh kepada ilmu sains yang perlu dihayati dan dikaji oleh umat Islam. Pengasingan sains dan agama ini adalah doktrin sekular yang menular dalam kalangan masyarakat Muslim di mana persepsi menyatakan bahawa sains dan agama adalah dua entiti yang berbeza. Doktrin sekular ini adalah gagasan Barat ketika penjajahan bagi mengelakkan golongan orang yang beragama ini tidak memegang tampuk kepimpinan kerana mereka lebih mesra dan rapat dengan masyarakat.

Tidak dinafikan sesungguhnya Hadiah Nobel yang mula diperkenalkan sejak 1901 dimonopoli oleh saintis Barat. Namun, itu tidak

bererti bahawa umat Islam menolak sains kerana pendekatan serta penemuan sains dan teknologi umat Islam telah bermula sejak berkurun yang lama namun ia tidak diiktiraf secara fizikal melalui Hadiah Nobel dan lain-lain.

Contohnya, penemuan teori algebra oleh Muhammad ibn Musa al-Khawarizmi yang digunakan pakai dalam pendidikan sekolah hingga kini di seluruh dunia. Apa yang saya lihat, saintis Islam lebih dikenali sebagai *the people's champion* dalam erti kata lain mereka menjadi nombor satu di dalam hati dan minda masyarakat.

**Ada pensyarah tempatan berpendapat menggunakan hujah sains bagi menceritakan kebaikan ibadat seperti berpuasa adalah tidak perlu kerana perkara itu adalah Rukun Islam yang wajib dipatuhi?**

Sesungguhnya berpuasa adalah Rukun Islam ketiga di mana kewajipan berpuasa bagi umat Islam adalah berdasarkan arahan Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud: "*Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana yang diwajibkan atas orang yang dahulu daripada*

*kamu, supaya kamu bertakwa...*"

Di dalam konteks sains, pakar penyelidik perubatan membuktikan bahawa dengan berpuasa dapat mengeluarkan toksin dan racun daripada badan sekali gus mempertingkatkan sistem imunisasi badan untuk melawan penyakit. Dr. Alan Cott, seorang pakar perubatan Amerika Syarikat menyatakan bahawa berdasarkan laporan penyelidikan psikologi membuktikan bahawa puasa mampu mempengaruhi darjah kecerdasan seseorang.

Seorang lagi doktor antara-bangsa, Dr. Alexis Carel memperoleh penghargaan Nobel dalam bidang perubatan apabila kajian beliau membuktikan bahawa berpuasa dapat membersihkan permukaan. Puasa juga dapat menambahkan kesegaran dan kesihatan pada tubuh kerana perut juga perlu berehat untuk memproses makanan bagi mendapatkan kesegaran semula untuk bekerja.

Apa yang pentingnya di sini, sesuatu ibadah yang dilakukan mestilah diniatkan kerana Allah SWT dan ibadah itu akan lebih efisien dan berimpak jika disusuli dengan ilmu pengetahuan. Sebagai contoh, puasa mestilah kerana Allah SWT kerana puasa adalah tuntutan di dalam Rukun Islam dan kita perlu maklum tentang kebaikan berpuasa daripada aspek sains juga dibuktikan di samping puasa ini mampu menahan nafsu serta syahwat dan menyihatkan tubuh badan.

**Apakah yang diharapkan daripada penganjuran program advokasi ini?**

Sejajar dengan fungsi MPN sebagai Pemikir Negara, platform ini diharapkan untuk terus diperkatakan khususnya dalam perkongsian ilmu di antara para profesor dan masyarakat umum bagi menjadikan masyarakat Malaysia terkehadapan dengan ilmu pengetahuan serta isu-isu semasa.

Ini selari dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Sampaikanlah dariku walau hanya satu ayat.*" (Riwayat Bukhari)